

## PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to apply for the AmBank Business Platinum Mastercard.  
Be sure to also read the general terms and conditions.

**AmBank (M) Berhad**

**Applicable for: AmBank Business  
Platinum Mastercard**

**01 October 2019**

### 1 WHAT IS THIS PRODUCT ABOUT?

The AmBank Business Platinum Mastercard ("Credit Card") is a Credit Card facility, with a credit line granted by us to the corporation or business entity (hereinafter referred to as "Corporation") where the Corporation may request us to issue individual Credit Card to their employees or other authorized nominees (hereinafter referred to as "Cardholder"). If any amount of the credit utilized by the Cardholder has not been settled in full on or before a specific date by the Corporation, the unsettled amount will be subjected to finance charges. The Corporation is solely liable for all charges incurred on the card by the Cardholder. The Cardholder does not bear any liability for the charges incurred on the card.

### 2 WHAT DO WE GET FROM THIS PRODUCT?

- **Credit Limit**

Credit limit is granted based on your company financials and/or security arrangements.

- **Finance charges for Retail Purchases**

- (a) 1.25% per month of 15% per annum if you have promptly settled the Minimum Payment Due for 12 consecutive months; or
- (b) 1.42% per month of 17% per annum if you have promptly settled the Minimum Payment Due for at least 10 months in a 12 months cycle; or
- (c) 1.5% per month or 18% per annum if your payment record does not fall within either (a) or (b) above.

To enjoy lower finance charges for retail transactions, the Corporation should make at least 10 prompt payments in the last 12 months.

- **Finance Charges for Cash Advance**

Finance charges for cash advance is 1.5% per month or 18% per annum calculated on a daily rest basis from the date the cash advance is made until full payment is received and credited into the Credit Card account.

### 3 WHAT ARE OUR OBLIGATIONS?

- **Minimum monthly payment**

- i. 5% of total \*outstanding balance (if any);  
\*outstanding balance refers to retail transactions (if any) + Cash Advance (if any) + finance charges and fees (if any)
- ii. 100% Card Service Tax and Tax (if any);
- iii. 100% Monthly Instalments (if any);
- iv. 100% past due amount (if any)
- v. 100% of any overlimit amount (refers to amount which exceeds the prescribed Credit Limit or the assigned Credit Limit)

**OR** minimum of RM50, whichever is higher.

- **Finance Charges Interest Free Period**

AmBank Business Platinum Mastercard: 28 calendar days from the statement date, provided there is no outstanding balance in the Credit Card account. If the Corporation does not pay in full and on time, finance charges on all retail transactions will be calculated from the posting date of the transaction. (Not applicable for cash advance)

Note: The Corporation is liable for all transactions incurred by the Cardholders.

#### 4 WHAT ARE THE FEES AND CHARGES I HAVE TO PAY?

- **Annual Fee**  
Free for Life with no conditions
- **Cash Advance Fee**  
5% of the amount withdrawn or a minimum of RM50, whichever is higher on each cash advance transaction.
- **Card Replacement Fee**  
A replacement Card may be issued upon the Corporation's request in writing and subject to a fee of RM25 per card.
- **Overseas Transaction Conversion Fee**  
AmBank Business Platinum Mastercard: Transactions outside Malaysia will be converted to Ringgit Malaysia on the date the item is received and/or processed. The exchange rate may differ from the published daily rate due to market fluctuation. The conversion rate is as determined by Mastercard International plus a 1% foreign exchange conversion markup (previously known as administration cost) by AmBank on the converted Ringgit Malaysia amount.
- **Sales Draft Retrieval Fee**  
RM20 per copy. All records and entries in the Card e-statement shall be deemed correct and binding on the Corporation unless the Corporation and/or the Cardholder notifies the Bank in writing of errors in the card e-Statement not later than 14 days from the date of the card e-Statement.
- **Monthly Statement Fee**
  - Hardcopy statement delivered to mailing address: RM12 per annum.
  - e-Statement: Free of charge
- **Additional Statement Request Fee**
  - RM5 per copy for first request.
  - RM10 per copy for subsequent request for the same monthly statement.  
Only request for statement of last three months will be entertained.
- **Credit Card Service Tax (Yearly)**
  - RM25 per card

#### 5 WHAT IF WE FAIL TO FULFILL OUR OBLIGATIONS?

- **Late Payment Charge**  
1% of the balance outstanding due or a minimum of RM10; whichever is higher, up to a maximum of RM100.
- **Right to Set-off**  
We have the right to set-off any credit balance in the Corporation account maintained with AmBank (M) Berhad and/or AmBank Islamic Berhad against any outstanding balance in this Credit Card account by giving the Corporation seven (7) calendar days prior notice in advance.
- **Liability for Unauthorized Transactions**  
The Corporation and the Cardholders will be liable for all unauthorized transactions which require PIN, signature verification or contactless if they have:
  - acted fraudulently; or
  - delayed in notifying the Bank as soon as reasonably practicable after having discovered the loss or unauthorized use of their Credit Card; or
  - voluntarily disclosed their PIN to another person; or
  - recorded their PIN on the Credit Card or on anything kept in close proximity with the Credit Card; or
  - left the Credit Card or item containing your Credit Card unattended in places visible and accessible to others; or
  - voluntarily allowed another person to use their Credit Card.

**If you fail to abide by the terms and conditions of the Credit Card, the Bank has the right to terminate your Card.**

**6. WHAT IF I FULLY SETTLE THE BALANCE BEFORE ITS MATURITY? (For AmFlexi-Pay Installment)**

- **Lock In Period**

Varies with each promotion.

- **Early Settlement Penalty**

The Bank shall be entitled to debit from Cardholder's account RM50 for any early settlement of the amount ahead of the instalment tenure.

**7 WHAT ARE THE MAJOR RISKS?**

By paying only minimum monthly repayment, the interest amount and time taken to settle the full amount will increase. It may cost more to make financial repayments with your Credit Card. Think about your repayment capacity when charging the Credit Card. The finance charges imposed on the outstanding balance for this Credit Card is based on a tiered pricing structure in accordance to your repayment history. If the Corporation has problems paying for the card balances, contact us early to discuss repayment alternatives. The Corporation and Cardholder should notify us immediately if the Credit Card is lost or stolen.

**8 WHAT DO WE NEED TO DO IF THERE ARE ANY CHANGES TO OUR CONTACT DETAILS?**

It is important that the Corporation and Cardholder inform us of any change in contact details to ensure that all correspondences reach them in timely manner. Change of statement mailing address requires your company request in writing.

**9 WHERE CAN WE GET FURTHER INFORMATION?**

Should the Corporation and Cardholder require additional information on Credit Card, please contact us at:

|          |   |
|----------|---|
| Address: | AmBank (M) Bhd,<br>Card Services,<br>P.O. Box 12925,<br>50792 Kuala Lumpur. |
| Tel:     | 03-2178 8888 (24 hours)   |
| Fax:     | 03-2171 3171  |
| Email:   | customercare@ambankgroup.com  |
| Website: | ambank.com.my   |

**IMPORTANT NOTICE:**

**PLEASE ENSURE YOUR CREDIT CARD PAYMENTS ARE UP TO DATE TO AVOID LEGAL ACTION TAKEN AGAINST YOU.**

Note: The information provided in this disclosure sheet is valid as at 1 October 2019, for latest revision log on to [ambank.com.my](http://ambank.com.my)

## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Kad AmBank Business Platinum Mastercard. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

**AmBank (M) Berhad**

**Bagi: Kad AmBank Business  
Platinum Mastercard**

**01 Oktober 2019**

### 1 APAKAH YANG DITAWARKAN OLEH PRODUK INI?

Kad AmBank Business Platinum Mastercard (“Kad Kredit”) adalah Kad Kredit dengan kemudahan kredit yang diberikan oleh kami kepada korporat atau entiti perniagaan (selepas ini dirujuk sebagai “Korporat”) di mana pihak Korporat boleh meminta kami mengeluarkan Kad Kredit individu kepada pekerja-pekerja mereka atau penama yang diberi kuasa (selepas ini dirujuk sebagai “Pemegang Kad”). Sekiranya sebarang amaun daripada kredit tersebut yang digunakan oleh Pemegang Kad tidak dijelaskan sepenuhnya oleh pihak Korporat pada atau sebelum satu tarikh spesifik, amaun yang tidak dijelaskan itu akan dikenakan caj kewangan. Pihak Korporat adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua caj yang dikenakan ke atas kad oleh Pemegang Kad. Pemegang Kad tidak menanggung sebarang liabiliti untuk caj yang dikenakan ke atas kad.

### 2 APAKAH MANFAAT YANG KAMI PEROLEHI DARIPADA PRODUK INI?

- **Had Kredit**

Had kredit diberikan berdasarkan kepada status kewangan dan/atau aturan sekuriti syarikat anda.

- **Caj Kewangan untuk Pembelian Runcit**

- 1.25% sebulan atau 15% setahun jika anda telah menjelaskan Jumlah Minimum Perlu Dibayar tepat pada masanya untuk tempoh 12 bulan berturut-turut; atau
- 1.42% sebulan atau 17% setahun jika anda telah menjelaskan Jumlah Minimum Perlu Dibayar tepat pada masanya untuk sekurang-kurangnya 10 bulan dalam kitaran 12 bulan; atau
- 1.5% sebulan atau 18% setahun jika rekod pembayaran anda tidak seperti (a) atau (b) di atas.

Untuk menikmati caj kewangan lebih rendah bagi urusan runcit, Korporat hendaklah membuat sekurang-kurangnya 10 pembayaran segera dalam tempoh 12 bulan terakhir.

- **Caj Kewangan untuk Pendahuluan Tunai**

Caj kewangan untuk pendahuluan tunai ialah 1.5% sebulan atau 18% setahun yang dikira atas dasar baki harian dari tarikh pendahuluan tunai dibuat sehingga bayaran penuh diterima dan dikredit ke dalam akaun Kad Kredit.

### 3 APAKAH TANGGUNGJAWAB KAMI?

- **Bayaran bulanan minimum**

- 5% daripada keseluruhan baki tertunggak\* (jika ada);  
\*baki tertunggak merujuk kepada transaksi runcit (jika ada) + Pendahuluan Tunai (jika ada) + caj dan fi kewangan (jika ada)
- Cukai atau 100% Cukai Perkhidmatan Kad (jika ada);
- 100% Ansuran Bulanan (jika ada);
- 100% amaun lewat bayar (jika ada);
- 100% untuk semua amaun yang terlebih had (merujuk kepada amaun yang melebihi Had Kredit yang ditentukan atau Had Kredit yang diberikan)

**ATAU** Minimum RM50, yang mana lebih tinggi.

- **Tempoh Tanpa Faedah Caj Kewangan**

AmBank Business Platinum Mastercard: 28 hari kalendar dari tarikh penyata, dengan syarat tiada baki belum jelas dalam akaun Kad Kredit. Sekiranya Korporat tidak membayar

sepenuhnya dan tepat pada masanya, caj kewangan akan dikenakan ke atas urusan niaga runcit dan akan dikira dari tarikh urusan niaga dikeluarkan. (Tidak diguna pakai bagi transaksi Pendahuluan Tunai).

Nota: Korporat bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad.

#### 4 APAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU SAYA BAYAR?

- **Yuran Tahunan**  
Percuma sepanjang hayat tanpa syarat.
- **Yuran Pendahuluan Tunai**  
5% daripada amaun yang dikeluarkan atau minimum RM50, yang mana lebih tinggi akan dikenakan di atas setiap urusan niaga pendahuluan tunai.
- **Yuran Penggantian Kad**  
Satu Kad gantian boleh dikeluarkan selepas menerima permintaan bertulis daripada Korporat dan tertakluk kepada yuran sebanyak RM25 bagi setiap kad.
- **Penukaran Mata Wang Bagi Urusniaga Luar Negara**  
AmBank Business Platinum Mastercard: Urusniaga di luar Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh urusan niaga tersebut diterima dan/atau diproses. Kadar tukaran asing mungkin berbeza daripada kadar harian yang diumumkan mengikut turun-naik pasaran. Kadar pertukaran ialah seperti yang ditentukan oleh Mastercard International serta tambahan penukaran 1% tukaran mata wang asing (sebelum ini dikenali sebagai kos pentadbiran) oleh AmBank ke atas amaun Ringgit Malaysia yang ditukar.
- **Yuran Cetakan Semula Draf Jualan**  
RM20 bagi setiap salinan. Semua rekod dan catatan dalam e-Penyata Kad akan dianggap betul dan mengikat ke atas Korporat melainkan Korporat dan/atau Pemegang Kad memaklumkan Bank secara bertulis mengenai kesilapan dalam e-Penyata Kad tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh e-Penyata Kad.
- **Yuran Penyata Bulanan**
  - Salinan penyata dihantar ke alamat surat-menyurat: RM12 setahun
  - e-Penyata: Tiada caj
- **Yuran Permintaan Salinan Penyata**
  - RM5 bagi setiap salinan untuk permintaan kali pertama.
  - RM10 bagi setiap salinan untuk permintaan seterusnya bagi penyata bulanan yang sama.  
Hanya permintaan untuk penyata bagi tiga bulan terakhir sahaja yang akan dilayan.
- **Cukai Perkhidmatan Kad Kredit (Tahunan)**
  - RM25 bagi setiap kad.

#### 5 BAGAIMANA SEKIRANYA KAMI GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB KAMI?

- **Caj Bayaran Lewat**  
1% daripada baki belum jelas yang perlu dibayar atau minimum RM10; yang mana lebih tinggi, sehingga maksimum RM100.
- **Hak untuk Tolak Selesai**  
Kami berhak untuk menolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun Korporat yang disimpan di AmBank (M) Berhad dan/atau AmBank Islamic Berhad bagi sebarang baki belum jelas dalam akaun Kad Kredit ini dengan memberi tujuh (7) hari kalendar notis terlebih dahulu.
- **Liabiliti untuk Urusniaga Tidak Dibenarkan**  
Korporat dan Pemegang Kad akan bertanggungjawab ke atas semua urusan niaga yang tidak dibenarkan yang memerlukan PIN, pengesahan tandatangan atau dengan Kad dengan ciri sentuh jika mereka telah:
  - melakukan penipuan; atau
  - gagal untuk memaklumkan kepada pihak Bank dalam tempoh yang munasabah selepas mendapati kehilangan atau penggunaan Kad Kredit mereka tanpa kebenaran; atau
  - secara sukarela mendedahkan PIN mereka kepada orang lain; atau

- mencatatkan PIN mereka pada Kad Kredit atau di atas apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad Kredit; atau
- meninggalkan Kad Kredit atau item yang mengandungi Kad Kredit anda tanpa jagaan di tempat yang jelas kelihatan dan boleh diakses oleh orang lain; atau
- secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad Kredit mereka

**Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat Kad Kredit ini, pihak Bank berhak untuk menamatkan Kad anda.**

## **6 BAGAIMANA JIKA SAYA MENYELESAIKAN SEPENUHNYA BAKI SEBELUM IA MATANG?**

**(Bagi Pelan Ansuran AmFlexi-Pay)**

- **Tempoh Terikat**

Berbeza mengikut setiap promosi

- **Denda Penyelesaian Awal**

Bank berhak untuk mendebit daripada akaun Pemegang Kad sebanyak RM50 untuk sebarang penyelesaian awal sebelum tamat tempoh ansuran.

## **7 APAKAH RISIKO-RISIKO UTAMA?**

Dengan membayar hanya bayaran balik bulanan minimum, amaun faedah dan masa diambil untuk menyelesaikan amaun penuh akan meningkat. Anda mungkin akan bayar lebih banyak untuk bayaran balik dengan Kad Kredit anda. Fikirkan tentang keupayaan pembayaran balik anda apabila menggunakan Kad Kredit. Caj kewangan yang dikenakan ke atas baki belum jelas bagi Kad Kredit ini adalah berdasarkan struktur penetapan harga berperingkat menurut rekod pembayaran anda. Jika Korporat mempunyai masalah membayar baki kad, hubungi kami lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Korporat dan Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada kami dengan segera jika Kad Kredit tersebut hilang atau dicuri

## **8 APAKAH YANG PERLU KAMI LAKUKAN JIKA TERDAPAT SEBARANG PERUBAHAN PADA BUTIRAN HUBUNGAN KAMI?**

Ia adalah penting bagi Korporat dan Pemegang Kad untuk memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada mereka tepat pada masa. Perubahan alamat surat-menyurat penyata memerlukan syarikat anda membuat permintaan secara bertulis.

## **9 DI MANAKAH KAMI BOLEH MENDAPAT MAKLUMAT LANJUT?**

Sekiranya Korporat atau Pemegang Kad memerlukan maklumat tambahan mengenai Kad Kredit, sila hubungi kami di:

|            |  |
|------------|--|
| Alamat:    | AmBank (M) Bhd,<br>Perkhidmatan Kad,<br>Peti Surat 12925,<br>50792 Kuala Lumpur. |
| Tel:       | 03-2178 8888 [24 jam]  |
| Faks:      | 03-2171 3171   |
| Emel :     | customercare@ambankgroup.com   |
| Laman Web: | ambank.com.my  |

### **NOTIS PENTING:**

**SILA PASTIKAN PEMBAYARAN KAD KREDIT ANDA ADALAH TERKINI UNTUK MENGELAK TINDAKAN UNDANG-UNDANG DIAMBIL TERHADAP ANDA**

Nota: Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah mulai 1 Oktober 2019, untuk maklumat terbaru sila layari [ambank.com.my](http://ambank.com.my)